

Penilaian Pengguna Terhadap Kekuatan dan Kelemahan Modul

Penilaian guru.

Bahagian ini menjawab soalan kajian 4, iaitu “**Apakah penilaian pengguna (guru dan pelajar) terhadap kejelasan, impak, dan kebolehlaksanaan modul pengajaran Bahasa Melayu secara bersepadu pada peringkat penilaian satu dengan satu?**”.

Bagi mendapatkan penilaian guru terhadap kejelasan, impak dan kebolehlaksanaan modul ini, pengkaji mengadakan beberapa sesi temu bual secara bersemuka dan perbincangan dengan dua orang guru yang melaksanakan modul BM ini. Guru-guru yang dipilih ialah guru yang memberi komitmen sepenuhnya semasa sesi temu bual dalam fasa kajian awal atau fasa analisis keperluan. Mereka ditandai sebagai Guru A dan Guru B.

Guru A (Cikgu Rozila) merupakan guru yang berpengalaman. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Pendidikan Bahasa Melayu. Beliau mengajar Bahasa Melayu di sekolah menengah selama 13 tahun. Beliau sangat komited dengan pengajarannya. Guru B (Cikgu Mimah) juga berpengalaman luas dalam pengajaran Bahasa Melayu. Beliau berpengalaman mengajar selama 28 tahun. 16 tahun sebagai guru sekolah rendah dan 14 tahun sebagai guru berijazah. Beliau berkelulusan Sarjana Muda Pendidikan dari Universiti Malaya. Pengkhususan beliau ialah pendidikan Bahasa Melayu. Beliau sangat komited dengan tugasnya.

Sebelum perbincangan dan penilaian dilakukan, pengkaji menyerahkan draf modul seminggu sebelum sesi perbincangan dan penilaian dijalankan. Perbincangan didasarkan kepada (1) penilaian modul secara umum dan (2) penilaian modul daripada tiga aspek utama, iaitu kejelasan, impak dan kebolehlaksanaan modul. Perbincangan ini

dijalankan berpandukan protokol temu bual separa berstruktur seperti yang dilampirkan di Lampiran F1. Komen dan cadangan Guru A dan Guru B digunakan bagi memantapkan lagi modul ini.

Penilaian guru secara keseluruhan.

Berdasarkan penilaian dan ulasan yang diberikan, keseluruhannya, kedua-dua guru berpuas hati dengan kandungan modul ini. Modul ini dikatakan menarik kerana aktiviti yang dirancang dijangka menarik minat pelajar dan mudah dikendalikan. Guru juga menyatakan bahawa prinsip pengajaran bahasa secara bertema dapat membantu pelajar belajar BM berdasarkan fungsi dan konteks yang tepat.

Dalam Modul 1 misalnya, Guru A dan Guru B sepakat menyatakan bahawa modul ini mempunyai set induksi yang menarik. Penggunaan video ‘Kami Prihatin’ dijangka dapat memberi gambaran secara mendalam tentang fenomena ‘buang bayi’ yang berleluasa di negara ini. Dalam mengulas Modul 2 pula, kedua-dua guru menegaskan bahawa penggunaan bahan sokongan seperti jadual dalam Modul 2 dapat membantu pelajar mengorganisasi dan memahami teks yang sukar.

Selain itu, penggunaan lagu ‘Wajah’ dalam Modul 3 sangat berkesan dan dijangka dapat menyentuh perasaan pelajar. Kedua-dua guru ini juga menyatakan bahawa bait-bait lagu ini sangat puitis dan dijangka boleh membantu pelajar menulis sajak dengan berkesan.

Merujuk kepada pengajaran tatabahasa pula dalam Modul 1 dan 4 misalnya, Guru A dan Guru B amat berpuas hati dengan aktiviti yang dirancang. Mereka berpendapat bahawa pengajaran ayat pasif (dalam Modul 1) dan kata sapaan (dalam Modul 4) dilakukan secara konteks dan natural. Menurut mereka aktiviti pengajaran tatabahasa ini sangat berbeza dengan pendekatan tradisional yang mereka amalkan

sebelum ini. Menurut mereka lagi, pendekatan pengajaran tatabahasa ini bukan sahaja dapat memberi pengetahuan kepada pelajar tetapi menyokong proses pembelajaran kemahiran bahasa yang lain seperti kemahiran menulis dalam Modul 1 dan kemahiran bertutur dalam Modul 4. Hal ini bertentangan dengan pendekatan pengajaran tatabahasa selama ini yang terlalu memberi fokus kepada rumus tatabahasa. Hal ini jelas kelihatan dalam kenyataan Guru A, iaitu “pelajar sangat berminat dengan aktiviti yang dijalankan kerana mereka tidak sedar sebenarnya mereka belajar tatabahasa”.

Mereka juga menyatakan bahawa penggunaan bahan bantu mengajar yang pelbagai dan autentik seperti surat khabar, artikel, laman web dan video menarik perhatian pelajar. Menurut mereka, bahan-bahan seperti ini dapat mendekatkan pelajar dengan dunia realiti sebenar. Guru B, misalnya menyatakan bahawa penggunaan kartun Lat dalam Modul 5 sangat berkesan dan dapat memaparkan nilai masyarakat Melayu di negara ini. Namun, beliau mencadangkan agar pengkaji memilih bahan yang lebih sesuai bagi menggambarkan nilai masyarakat Malaysia kerana bahan kartun yang digunakan dalam modul hanya berkisar tentang nilai masyarakat Melayu sahaja.

Selain penggunaan kartun, Guru A dan B sependapat mengatakan bahawa penggunaan sedutan filem “Seniman Bujang Lapok” dalam Modul 6 sangat sesuai bagi mengajarkan amalan berbudi bahasa dalam kalangan masyarakat. Begitu juga dengan penggunaan bahan video dan audio dalam Modul 7. Guru-guru ini menyatakan bahawa penggunaan bunyi air hujan, ombak laut, burung dan suara hutan dapat menimbulkan perasaan cinta kepada alam semula jadi. Sebaliknya, penggunaan bunyi kilang dan kenderaan misalnya, dapat mewujudkan suasana yang berlawanan dengan bunyi yang mendamaikan itu. Namun, bagi memantap dan meningkatkan keberkesanan modul ini, Guru A dan Guru mencadangkan beberapa pindaan.

Guru A, misalnya mencadangkan agar Induksi Set dalam Modul 1 (petikan akhbar tentang isu ‘buang bayi’) digantikan dengan video yang sesuai agar dapat

menggambarkan konsep yang menyeluruh dan menarik minat pelajar. Guru B juga juga menyatakan bahawa penggunaan petikan akhbar dalam Induksi Set ini tidak menarik minat pelajar.

Dalam Langkah 1 (Modul 1) misalnya, kedua-dua guru menyatakan persetujuan mereka tentang penggunaan petikan akhbar ‘Bayi berbalut surat khabar di temui di kaki lima’. Namun, mereka mencadangkan agar teks ini diubah suai agar mempunyai maklumat yang lebih banyak. Dalam Langkah 2 pula, kedua-dua guru ini setuju jika teks ini dipendekkan agar tidak membebankan pelajar dan sesuai dengan masa yang diperuntukkan. Mereka mencadangkan agar isi tentang kewangan dan keagamaan digugurkan kerana tidak sesuai dengan pengetahuan pelajar.

Dalam Modul 2 yang bertemakan ‘Jenayah Ragut’, Guru B mencadangkan agar pengkaji menggunakan video yang boleh menyentuh perasaan pelajar terhadap kejadian ragut ini. Beliau berpendapat, penggunaan gambar pegun tidak sesuai kerana tidak dapat menyentuh perasaan pelajar.

Bagi memantapkan Modul 2 ini juga, Guru A dan Guru B sependapat bahawa pelajar tidak mampu membentuk bahan grafik berdasarkan maklumat atau teks yang dibaca. Mereka mencadangkan agar bahan sokongan seperti jadual digunakan bagi membantu pelajar memahami teks ini. Selain itu, mereka juga mencadangkan agar Objektif Pelajaran 2 bagi Modul 2 ini diubah suai agar dapat dicapai oleh pelajar. Mereka mencadangkan Objektif Pelajaran 2 dipermudahkan, iaitu daripada *‘menyatakan maklumat yang terdapat dalam teks ke dalam bentuk grafik’* kepada *‘melengkapkan jadual dengan maklumat yang terdapat dalam teks’*. Cadangan ini dibuat kerana mereka berpendapat objektif awal, iaitu ‘menyatakan maklumat dalam bentuk bahan grafik’ sukar dicapai oleh pelajar.

Dalam Modul 5 pula, kedua-dua guru mencadangkan agar bahan kartun yang digunakan perlu diubah suai kerana dialog yang terdapat dalam kartun ini ditulis dalam

Bahasa Inggeris. Guru-guru ini mencadangkan agar pengkaji mencari kartun yang berbahasa Melayu atau diterjemahkan kartun tersebut ke dalam Bahasa Melayu. Apa pun, Guru A dan Guru B secara keseluruhannya berpendapat modul BM ini menarik dan dijangka diterima oleh pelajar.

Kejelasan arahan aktiviti pembelajaran dan maklumat.

Bahagian ini akan membincangkan penilaian guru terhadap kejelasan arahan dan maklumat bahan pembelajaran yang terdapat dalam modul yang dibangunkan. Aspek yang dinilai oleh guru ialah (1) kejelasan arahan dalam setiap langkah pengajaran, (2) aras kesukaran kosa kata atau ayat yang digunakan, (3) kesalahan ejaan, kesesuaian teks dari aspek saiz huruf dan kebolehbacaan, (4) kesesuaian dan kejelasan rajah/gambar dan sebagainya daripada aspek saiz, (5) kesesuaian dan kejelasan bunyi atau mutu audio visual, dan (6) kandungan maklumat dalam bahan pengajaran dan pembelajaran.

Berdasarkan temu bual bersemuka dengan Guru A dan Guru B, pengkaji dapati secara keseluruhannya arahan yang digunakan dalam setiap langkah pengajaran bagi setiap modul adalah jelas dan boleh difahami. Namun, bagi memantapkan lagi modul ini, beberapa cadangan dikemukakan mereka. Antaranya ialah:

Modul 4

Kedua-dua guru mencadangkan agar arahan dalam Langkah 1 dibuat pindaan agar lebih difahami pelajar. Guru A, misalnya mencadangkan agar arahan pengajaran bagi Langkah 1 diubah suai seperti yang berikut:

Langkah	Arahan asal:	Arahan yang dicadangkan:
Langkah 1	<p>Aktiviti: Menganalisis kesalahan penggunaan bahasa dari aspek kesantunan berbahasa.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Guru mengedarkan beberapa petikan perbualan kepada pelajar. 2. Pelajar diminta mengenal pasti beberapa kesalahan penggunaan bahasa. 3. Pelajar diminta menganalisis kesalahan penggunaan bahasa tersebut. <p>Arahan: Baca dialog di bawah. Nyatakan apa yang anda lihat daripada dialog ini? Analisis kesilapan kesantunan bahasa tersebut. Bentangkan di hadapan kelas hasil analisis anda.</p>	<p>Aktiviti: Menganalisis kesalahan penggunaan bahasa dari aspek kesantunan berbahasa secara berkumpulan.</p> <p>Arahan Aktiviti:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Bahagikan kelas kepada 4 atau 5 kumpulan. 2. Edarkan setiap dialog yang mengandungi kesalahan kesantunan berbahasa kepada setiap kumpulan. 3. Minta pelajar analisis kesalahan bahasa yang terdapat dalam dialog yang dibekalkan secara berkumpulan. <p style="text-align: center;">Panduan arahan tugas:</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px;"> <ul style="list-style-type: none"> • Baca dialog yang diberi secara berkumpulan. • Apakah kesalahan bahasa yang terdapat dalam dialog tersebut? • Sarankan kata sapaan yang sepatutnya bagi menggantikan kesalahan tersebut. </div> <ol style="list-style-type: none"> 4. Bentangkan hasil perbincangan di hadapan kelas.

Modul 5

Guru A mencadangkan agar arahan bagi Langkah 1 (Aktiviti 1), Langkah 2 (Aktiviti 1), dan Langkah 3 (Aktiviti 1) diubah agar arahan dan aktiviti yang akan dijalankan oleh pelajar lebih jelas, difahami dan lebih tersusun. Yang berikut ialah pindaan yang dicadangkan oleh Guru A.

Langkah (Aktiviti)	Arahan asal:	Arahan yang dicadangkan:
Langkah 1 (Aktiviti 1)	Guru membahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan.	Guru mengedarkan bahan kartun dan meminta pelajar berbincang secara kelas tentang bahan kartun tersebut.
Langkah 2 (Aktiviti 1)	Cuba fikirkan, adakah nilai-nilai ini masih diamalkan dalam aktiviti yang berikut?	Lihat masalah yang saya paparkan ini dan bincangkan sama ada nilai-nilai ini masih diamalkan dalam masyarakat kita. Bincangkan secara berkumpulan.
Langkah 3 (Aktiviti 1)	Berdasarkan peribahasa ini, tulis artikel tentang nilai masyarakat Malaysia untuk dimuatkan dalam ruangan Surat Pembaca.	Berdasarkan peribahasa ‘bagai enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing’ tulis artikel yang relevan dan ringkas dengan peribahasa ini untuk dimuatkan dalam ruangan ‘Surat Pembaca’.

Dari aspek penggunaan kosa kata dan ayat pula, kedua-dua guru sependapat bahawa tidak terdapat bahasa kosa kata dan ayat yang sukar difahami oleh pelajar. Mereka menyatakan bahawa kosa kata dan ayat yang digunakan sesuai dengan kebolehan pelajar Tingkatan Empat. Dari aspek kesalahan ejaan pula, mereka menyatakan bahawa hanya terdapat sedikit kesalahan ejaan sahaja. Contohnya (Modul 5, Langkah 2, Aktiviti 2):

Asal: “Murid-murid diminta beberapa contoh tentang nilai masyarakat sekarang”.
Pindaan: “Murid-murid diminta *menyatakan* beberapa contoh tentang nilai masyarakat sekarang”.

Dari aspek saiz teks pula, kedua-dua guru menyatakan bahawa hampir semua teks yang digunakan dalam modul ini sesuai dan boleh dibaca dengan jelas. Menurut mereka hanya teks ‘Pusat Lindungan Haiwan Sandakan’ dalam Modul 8 sahaja yang perlu diganti atau diubah suai kerana saiz dan kepanjangan teks ini tidak sesuai untuk bacaan pelajar. Kedua-duanya menyatakan bahawa teks tidak dapat menarik minat pelajar kerana saiz teksnya kecil dan tidak relevan dengan pelajar.

Selain aspek yang dibincang di atas, kedua-dua guru menyatakan bahawa terdapat beberapa petikan teks atau bahan pembelajaran tidak mempunyai maklumat yang cukup. Menurut mereka teks ‘Tunjuk perasaan mahu renggangkan hubungan’ dalam Modul 4 tidak mempunyai banyak kesalahan kata sapaan. Manakala, dalam Modul 5, penggunaan gambar dan kartun bagi menunjukkan nilai masyarakat Malaysia tidak sesuai kerana semua bahan yang digunakan oleh guru hanya memaparkan budaya orang Melayu sahaja. Mereka mencadangkan agar pengubahsuaian dilakukan atau bahan lain digunakan bagi memastikan pelajaran berlaku dengan lebih bermakna.

Impak bahan pembelajaran terhadap pelajar.

Penilaian terhadap impak bahan pembelajaran terhadap pelajar melibatkan dua aspek, iaitu (1) kerelevanan atau kesesuaian bahan yang digunakan berdasarkan situasi semasa, dan (2) kemampuan bahan tersebut mencabar pengetahuan, menarik minat dan mengekalkan 'mood' pelajar.

Berdasarkan penilaian Guru A dan Guru B, hampir semua bahan yang digunakan dalam modul ini relevan dengan situasi semasa. Menurut Guru A, misalnya topik pelajaran seperti 'Buang bayi' dalam Modul 1 sangat sesuai diajarkan dalam bilik darjah kerana isu ini masih berlaku secara berleluasa dalam kalangan masyarakat. Begitu juga dengan topik 'Nilai Masyarakat Malaysia' dalam Modul 5. Menurut mereka, topik ini perlu diketengahkan kerana dewasa ini nilai-nilai seperti bergotong royang, bersatu padu dan menghormati orang lain semakin terhakis dan dilupakan.

Dari aspek kemampuan bahan pembelajaran mencabar pengetahuan, menarik minat dan mengekalkan 'mood' pelajar, Guru A dan Guru B menyatakan bahawa teks yang digunakan agak susah dan mencabar pengetahuan pelajar. Antara teks tersebut ialah (1) 'Kes ragut di KL naik 100 peratus' dalam Modul 2 dan (2) 'Pemanasan Global: Bumi Amanah Kita' dalam Modul 7. Menurut Guru A, teks pertama mencabar minda pelajar kerana mereka perlu mencari maklumat tentang kadar kes ragut berdasarkan angka-angka statistik yang diberi dalam teks, manakala teks kedua pula sukar kerana mengandungi banyak istilah geografi dan sains seperti 'ekosistem' lampu 'incandescent', dan 'CFC' yang asing bagi pelajar.

Mereka juga menyatakan bahawa bahan yang digunakan dalam modul ini menarik minat pelajar dan tidak menjemukan. Menurut Guru A, penggunaan pelbagai bahan daripada pelbagai sumber menyebabkan pelajar tidak akan bosan mengikuti aktiviti pelajaran modul ini. Katanya, penggunaan petikan akhbar, kartun, bahan grafik, brosur, filem, bunyi-bunyi alam dan lagu dapat menimbulkan minat pelajar dan

membantu mereka merasai suasana pembelajaran yang berlainan berbanding dengan penggunaan buku teks atau buku rujukan semata-mata. Mereka juga menyatakan bahawa penggunaan bahan yang pelbagai ini dapat meningkat minat dan 'mood' pelajar ketika mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran.

Kebolehlaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Penilaian terhadap kebolehlaksanaan modul melibatkan empat aspek yang berikut, iaitu (1) kesesuaian bahan dan aktiviti pembelajaran bagi mencapai objektif pelajaran, (2) kesesuaian urutan atau susunan aktiviti pembelajaran dengan dengan objektif pelajaran, (3) kebolehlaksanaan aktiviti yang dirancang dalam waktu yang ditetapkan, dan (4) kebolehlaksanaan aktiviti yang dirancang berdasarkan kemampuan pelajar.

Guru A dan Guru B sepakat mengatakan bahawa bahan dan aktiviti yang dirancang dalam modul 1 hingga Modul 9 boleh dijalankan dan mencapai objektif pelajaran. Namun, mereka mencadangkan beberapa pindaan bagi memastikan bahan dan aktiviti pelajaran selaras objektif pelajaran dan boleh dilaksanakan. Antara cadangan mereka ialah:

Modul 1:

Hadkan isi teks 'Remaja dan Masalah Sosial' kepada 4 isi sahaja dan gugurkan isi yang tidak relevan dengan pelajar seperti isi tentang keagamaan dan kewangan. Mereka juga mencadangkan agar langkah pelajaran diubah suai bagi memudahkan pencapaian objektif pelajaran. Langkah pengajaran yang dicadangkan ialah:

Langkah Pelajaran	Asal	Pindaan
1	Membaca dan bertutur tentang isu buang bayi berdasarkan petikan akhbar.	Membaca dan bertutur tentang isu buang bayi berdasarkan petikan akhbar yang dibaca.
2	Membaca dan menyatakan faktor-faktor berlakunya masalah sosial dalam kalangan remaja.	Melengkapkan jadual tentang ‘Peranan remaja dalam menangani masalah sosial’ berdasarkan teks yang dibaca.
3	Membina poster tentang ‘peranan remaja dalam mengatasi masalah sosial’ berdasarkan teks yang dibaca.	Membentangkan tugas secara berkumpulan.

Modul 2:

Guru A dan Guru B mencadangkan agar video atau gambar yang lebih relevan dan boleh menyentuh perasaan pelajar digunakan bagi membantu mereka menyatakan pandangan mereka terhadap kejadian ragut ini. Mereka berpendapat bahawa gambar sedia ada (lihat di bawah) tidak ‘touching’, malah tidak dapat menggambarkan kejadian ragut yang sebenar.



Selain itu, Guru A dan Guru B juga sependapat mengatakan bahawa pelajar mungkin menghadapi kesukaran untuk membina bahan grafik berdasarkan teks ‘Kes ragut di KL meningkat 100 peratus’ kerana menurut mereka “pelajar Tingkatan Empat ini tidak biasa lagi dengan bahan statistik”. Oleh itu, mereka mencadangkan guru

menggunakan jadual bagi membantu pelajar mencari kadar peningkatan jenayah ragut dengan lebih terpadu. Aktiviti yang mereka cadangkan ialah:

- i. Baca teks yang diberi dan lengkapkan jadual yang diberi.

Jenayah	Tahun		Peningkatan (Jumlah dan Peratus)
	2009	2010	
Ragut			
Samun bersenjata			
Samun tidak bersenjata			

- ii. Berdasarkan teks yang dibaca dan jadual di atas, namakan tiga jenis jenayah yang dinyatakan dalam teks ini. Gunakan jadual di bawah sebagai panduan.
- iii. Nyatakan bilangan kes jenayah tersebut bagi setiap tahun.
- iv. Nyatakan kadar peningkatan dan peratus bagi setiap kes dan tahun kejadian.
- v. Pada pandangan anda, apakah peranan yang boleh anda mainkan bagi membendung masalah ini?

Modul 3:

Guru A dan Guru B menyatakan bahawa objektif pelajaran dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran modul ini boleh dilaksanakan jika beberapa pindaan terhadap langkah pelajaran dilakukan. Antara cadangan mereka ialah:

Langkah Pelajaran	Asal	Pindaan
1	Pelajar menyatakan pandangan tentang kemiskinan berdasarkan gambar yang dilihat.	Berbual tentang kemiskinan berdasarkan gambar atau video yang ditonton.
2	Menyatakan gambaran tentang kemiskinan berdasarkan bahan rangsangan yang diberi.	Mencari erti kemiskinan melalui lagu 'Wajah'.
3	Berbual tentang kesusahan 'orang asal' berdasarkan video yang ditonton.	Membina sajak dengan menggunakan frasa yang puitis seperti yang digunakan dalam lagu 'Wajah'.

Modul 4:

Guru A dan Guru B sepakat mengatakan modul ini sukar dilaksanakan kerana pelajar diminta melakukan semua tugas (empat tugas) bagi setiap kumpulan. Mereka mencadangkan agar sedikit pengubahsuaian dilakukan agar objektif pelajaran boleh dicapai dan aktiviti pelajaran dapat dilaksanakan. Antara cadangan ialah:

1. Bahagikan aktiviti kepada 4 kumpulan.
2. Beri satu tugas kepada setiap kumpulan.
3. Minta pelajar kenal pasti dan analisis setiap kesalahan bahasa dari aspek kesantunan berbahasa secara berkumpulan.
4. Bentang hasil tugas di hadapan kelas.

Mereka juga mencadangkan agar langkah pelajaran keseluruhan modul ini dipinda agar lebih tersusun dan menepati kehendak objektif pelajaran. Cadangan mereka ialah:

Langkah Pelajaran	Asal	Pindaan
1	Analisis tugas (empat peristiwa kesalahan penggunaan kesantunan bahasa) secara berkumpulan.	Pelajar menganalisis satu tugas tentang kesalahan kesantunan bahasa secara berkumpulan.
2	Bina dialog ringkas dengan menggunakan kesantunan bahasa yang tepat secara berkumpulan. Lakonkan dialog tersebut di hadapan kelas.	Bina dialog ringkas yang menggunakan kesantunan bahasa yang tepat dan lakonkan secara berkumpulan.
3	Kenal pasti dan analisis kesalahan kata sapaan yang terdapat dalam petikan akhbar yang diberi.	Kenal pasti kesalahan yang terdapat dalam rakaman yang disediakan guru dan cadangan pembetulan yang sesuai.

Modul 5

Guru A dan Guru B sependapat mengatakan bahawa Langkah pelajaran 2 dan 3 tidak selaras dengan objektif pelajaran. Mereka mencadangkan agar objektif pelajaran diubah suai dan dipinda agar sesuai dengan aktiviti pelajaran yang dijalankan. Cadangan mereka ialah:

Objektif Pelajaran	Asal	Pindaan
1	Pada akhir pelajaran pelajar dapat menyatakan nilai-nilai masyarakat Malaysia secara lisan berdasarkan gambar kartun yang ditunjukkan.	Pada akhir pelajaran pelajar dapat menyatakan perbezaan antara nilai masyarakat dahulu dan sekarang secara lisan berdasarkan bahan yang dibincangkan.
2	Pada akhir pelajaran pelajar dapat menyatakan contoh-contoh nilai masyarakat Malaysia secara spontan berdasarkan pengalaman sendiri.	Pada akhir pelajaran pelajar dapat menyatakan pandangan mereka tentang nilai negatif masyarakat Malaysia secara bertulis.

Selain itu, Guru A mencadangkan agar tajuk pelajaran dipinda daripada *‘Perbincangan tentang kehidupan masa kini’* kepada *‘Perbincangan tentang perbandingan budaya hidup masa lalu dan kini’* agar lebih sesuai dengan aktiviti yang dijalankan.

Dari segi aktiviti pelajaran, Guru A dan Guru B mencadangkan agar aktiviti pelajaran dalam Langkah 2 dipinda agar mudah diikuti oleh pelajar. Guru A, misalnya mencadangkan aktiviti dalam Langkah 2 dilakukan seperti yang berikut:

Aktiviti Pelajaran Langkah 2	Asal	Pindaan																					
Aktiviti 1	Perbincangan tentang nilai-nilai masyarakat dahulu yang masih diamalkan pada masa kini (Contoh: bergotong-royong pada majlis perkahwinan).	Bentuk kelas kepada 4 atau 5 kumpulan.																					
Aktiviti 2	Perbincangan tentang nilai masyarakat sekarang (Contoh: Kenduri kahwin).	Pilih mana-mana budaya masyarakat dan bandingkan perubahan yang berlaku pada masa kini (Contohnya, majlis perkahwinan). Gunakan jadual yang disediakan bagi membantu anda membuat perbandingan tersebut.																					
		<table border="1"> <thead> <tr> <th>Aspek</th> <th>Dahulu</th> <th>sekarang</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Kos perbelanjaan</td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>Tempat diadakan</td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>Tetamu undangan</td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>Makanan</td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>Tempoh</td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>Jenis majlis sambutan</td> <td></td> <td></td> </tr> </tbody> </table>	Aspek	Dahulu	sekarang	Kos perbelanjaan			Tempat diadakan			Tetamu undangan			Makanan			Tempoh			Jenis majlis sambutan		
Aspek	Dahulu	sekarang																					
Kos perbelanjaan																							
Tempat diadakan																							
Tetamu undangan																							
Makanan																							
Tempoh																							
Jenis majlis sambutan																							
Aktiviti 3	Perbincangan tentang jawapan pelajar.	Perbentangan di hadapan kelas secara berkumpulan. Pelajar diminta memberi komen terhadap perbentangan kumpulan lain.																					

Modul 6

Objektif pelajaran perlu diubah suai kerana kurang sesuai. Guru B mencadangkan agar ditambah objektif pelajaran ke-3 agar selaras dengan langkah pelajaran yang dirancang. Cadangan beliau ialah '*Pada akhir pelajaran pelajar boleh menyatakan amalan budi bahasa yang positif berdasarkan gambar yang dilihat*'.

Beliau juga menyatakan bahawa tugas yang terdapat dalam induksi set tidak sesuai dijalankan dalam waktu 5 minit, khususnya bagi pelajar yang sederhana dan lemah. Beliau mencadangkan agar masa yang diperuntukkan ditambah kepada 6 atau 7 minit.

Dari aspek aktiviti pelajaran dalam Langkah 3, beliau mencadangkan agar dilakukan pindaan agar lebih mudah diikuti oleh pelajar dan selaras dengan objektif pelajaran. Cadangan beliau ialah:

Aktiviti Pelajaran Langkah 3	Asal	Pindaan
Aktiviti 1	Lihat gambar yang dipaparkan dan nilai gambar-gambar tersebut.	Lihat gambar yang dipaparkan.
Aktiviti 2	Ulaskan gambar yang dilihat di hadapan kelas.	Nyatakan kesilapan budi bahasa masyarakat yang dipaparkan dalam gambar.
Aktiviti 3	Nyatakan pandangan anda terhadap gambar-gambar tersebut dan betulkan kesalahan budaya tersebut dalam bentuk slogan.	Nyatakan pandangan anda terhadap bahan tersebut. Cadangkan peranan anda bagi memastikan perkara ini tidak berlaku.

Rumusan dan Implikasi pengajaran

Kesimpulannya, temu bual secara bersemuka dengan Guru A dan Guru B memberikan maklumat yang berguna kepada pengkaji tentang kekuatan dan kelemahan modul yang dibangunkan. Antaranya ialah:

- a. Keseluruhannya modul ini menarik kerana boleh dilaksanakan dan menarik minat pelajar.
- b. Bahan pembelajaran yang digunakan dijangka dapat membantu pelajar mencapai objektif pelajaran.
- c. Pengajaran tatabahasa dirancang dan disusun secara konteks dan natural.
- d. Pengajaran tatabahasa dirancang bagi menyokong kemahiran berbahasa yang lain.
- e. Penggunaan bahan bantu mengajar yang pelbagai dan autentik dijangka dapat menarik minat pelajar dan membantu pencapaian objektif pelajaran.
- f. Guru mencadangkan beberapa pindaan terhadap bahan pengajaran dan pembelajaran dan aktiviti pengajaran bagi menambah baik modul.
Antara cadangan mereka ialah:
 - i) induksi set perlulah menarik minat pelajar.
 - ii) bahan atau teks yang digunakan perlulah mempunyai maklumat yang mencukupi.
 - iii) bahan yang digunakan perlulah boleh menimbulkan kesan kepada jiwa pelajar.
 - iv) Bahan pelajaran yang digunakan perlulah 'bersih' dari kesalahan bahasa, menarik minat pelajar dan sesuai dengan aras kebolehan pelajar.
 - v) penggunaan kartun sangat menarik dan dapat menggambarkan keseluruhan isi pelajaran.
 - vi) penggunaan bahan audio visual seperti sedutan filem, lagu dan sebagainya dapat menarik minat pelajar dan menjadikan pelajaran lebih realistik.

- vii) Jadual dan lembaran kerja yang sesuai perlu disediakan bagi membantu pelajar memahami pelajaran khususnya teks yang panjang dan yang mempunyai maklumat yang kompleks.
 - viii) objektif dan aktiviti pelajaran perlulah sejajar dan boleh dicapai.
- g. Keseluruhannya, arahan dan maklumat yang terdapat dalam modul ini boleh difahami dan mempunyai maklumat yang cukup, namun guru mencadangkan beberapa pindaan bagi memantapkan modul ini. Antaranya ialah:
- i) pindaan dibuat terhadap arahan dalam aktiviti pelajaran agar mudah difahami dan boleh dilaksanakan oleh pelajar dan guru.
 - ii) objektif pelajaran ditulis dan disusun semula agar selaras dengan aktiviti pelajaran dan boleh dicapai pada akhir pelajaran.
 - iii) teks dan bahan pengajaran dan pelajaran yang dipilih mestilah sesuai khususnya dari aspek saiz, kepanjangan teks dan maklumat yang mencukupi.
- h. Bahan yang digunakan hendaklah dapat memberi impak kepada pelajar khususnya dari aspek yang berikut:
- i) bahan yang digunakan hendaklah relevan dengan situasi semasa dan bersifat terkini.
 - ii) bahan yang digunakan hendaklah mencabar pengetahuan, menarik minat, dapat menimbulkan perasaan ingin tahu pelajar.
- i. Aktiviti yang dijalankan dan bahan pengajaran dan pembelajaran yang digunakan hendaklah boleh dilaksanakan dalam waktu yang ditetapkan dan mencapai objektif pelajaran.
- j. Aktiviti pelajaran dalam sebahagian modul disusun semula agar lebih seimbang dan boleh dilaksanakan oleh guru dan pelajar.

- k. Tugas yang diberikan kepada pelajar hendaklah jelas dan boleh dilaksanakan serta dijalankan bagi mencapai objektif pelajaran.

Penilaian pelajar.

Penilaian satu dengan satu juga melibatkan penilaian pelajar Tingkatan Empat terhadap Modul ini. Sekumpulan pelajar yang dianggotai tiga pelajar bagi setiap kumpulan dilibatkan bagi menilai modul ini. Setiap kumpulan diwakili oleh pelajar yang pelbagai pencapaian dan latar belakang bagi memastikan pandangan mereka mewakili semua pelajar. Bagi kumpulan 1 misalnya, tiga (3) pelajar yang dipilih itu mempunyai pencapaian BM yang mewakili pencapaian tinggi, sederhana dan rendah. Pencapaian ini diukur daripada pencapaian peperiksaan pertengahan tahun. Peserta kajian ini juga dipilih kerana sifat mereka yang boleh berbual dan menyampaikan maklumat kepada pengkaji.

Semasa proses penilaian satu dengan satu ini, pengkaji berbincang dengan pelajar-pelajar tersebut dan menjelaskan langkah-langkah pengajaran yang terdapat dalam modul secara terperinci. Pelajar digalakkan bertanya kepada pengkaji jika ada istilah atau arahan yang mengelirukan. Pelajar juga diminta menyatakan alasan jika mereka gagal mengikuti arahan dan aktiviti yang dijalankan.

Bagi mendapatkan maklumat tentang kekuatan dan kelemahan modul, temu bual secara bersemuka dijalankan. Aspek yang dinilai ialah (1) kejelasan arahan dan maklumat bahan pembelajaran, (2) impak terhadap pelajar, dan (3) kebolehlaksanaan modul.

Kejelasan arahan aktiviti pembelajaran dan maklumat.

Bahagian ini akan membincangkan penilaian pelajar terhadap kejelasan arahan dan maklumat bahan pembelajaran yang terdapat dalam modul yang dibangunkan.

Aspek yang dinilai oleh pelajar ialah (1) kejelasan arahan dalam setiap langkah pengajaran, (2) kejelasan maklumat, (3) aras kesukaran kosa kata atau ayat yang digunakan, (3) kesalahan bahasa seperti kesalahan ayat, istilah dan ejaan, (4) kesesuaian teks dari aspek saiz huruf dan kebolehbacaan, (5) kesesuaian dan kejelasan rajah, gambar dan sebagainya (khususnya dari aspek saiz, warna, dan paparan, (6) kesesuaian dan kejelasan bunyi atau mutu audio visual, dan (7) kesesuaian dan kecukupan maklumat dalam bahan pembelajaran.

Dapatan temu bual bersemuka dan perbincangan dengan pelajar mendapati modul ini mempunyai arahan yang jelas dan maklumat yang mencukupi. Mereka menyatakan bahawa hampir semua arahan dan maklumat yang digunakan dalam modul pengajaran Bahasa Melayu ini jelas, boleh difahami, dan mempunyai maklumat yang mencukupi. Dalam Modul 2 misalnya, bahan grafik yang digunakan dalam induksi set dapat memberi gambaran keseluruhan tentang jenayah ragut. Namun, bagi memantapkan modul ini, mereka mencadangkan beberapa cadangan dan pandangan.

Cadangan 1: Kejelasan maklumat

Dalam Modul 2 (Langkah 1) misalnya, ketiga-tiga pelajar mencadangkan agar gambar yang lebih sesuai digunakan bagi membolehkan pelajar memberi pandangan dengan lebih tepat. Menurut pelajar, mereka sukar menyatakan perasaan berdasarkan gambar yang dilihat kerana gambar yang digunakan (Gambar 4.3) agak mengelirukan dan tidak menggambarkan situasi sebenar tentang jenayah ragut.



Gambar 4.3. Tidak menunjukkan mangsa jenayah ragut

Begitu juga dengan kartun yang digunakan dalam Modul 5. Pelajar sepatutnya mengatakan bahawa Gambar 4.4 tidak sesuai bagi menggambarkan budaya masyarakat Malaysia. Menurut mereka kartun ini hanya menggambarkan budaya masyarakat Melayu sahaja. Mereka mencadangkan agar gambar atau kartun yang lebih sesuai digunakan.



They dressed me in the finest clothing and put me in a hammock, in which I had never been before. I must have felt very comfortable. Just as the hammock was swaying slowly, a group of the guests began chanting the sacred lyrics of the "Marhaban" (a song about the Prophet).

7

Gambar 4.4. Majlis 'naik buai' orang Melayu

Cadangan 2: Penggunaan kosa kata, istilah dan ayat

Ketiga-tiga pelajar mengatakan bahawa dari aspek penggunaan bahasa, mereka berpendapat tidak terdapat penggunaan kata dan ayat yang sukar. Mereka juga mengatakan bahawa tidak terdapat kesalahan ejaan dan ayat yang serius. Namun, bagi memastikan penggunaan kosa kata, istilah dan ayat difahami dengan baik oleh pelajar, beberapa cadangan dikemukakan. Antaranya ialah penggunaan istilah yang ‘familiar’ dengan pelajar, misalnya istilah ‘ekonomi’ digunakan bagi menggantikan istilah ‘statistik’ dalam Modul 2 (Langkah 3).

Cadangan 3: Aspek teknikal bahan pengajaran

Dari segi saiz huruf dan kesesuaian teks pula, mereka menyatakan hampir semua teks mempunyai saiz teks yang kecil, misalnya teks pertama, iaitu teks ‘Bayi berbalut surat khabar ditemui di kaki lima’ dan teks kedua, iaitu teks ‘Remaja dan Masalah Sosial’ (Modul 1). Dari segi kesesuaian dan kepanjangan teks pula, mereka menyatakan bahawa teks pertama terlalu pendek, manakala teks kedua terlalu panjang.

Dari segi rajah yang digunakan dalam Langkah Pelajaran 3 (Modul 1), iaitu tentang ‘Masalah Sosial: Apakah Peranan Kita Sebagai...’ pelajar sepakat mengatakan bahawa rajah ini sesuai dan menarik kerana mereka bukan sahaja dapat membuat refleksi terhadap teks yang dipelajari, malah dapat menggunakan ayat permintaan seperti “Jauhilah amalan yang tidak sihat” secara kontekstual.

Dari aspek penggunaan bahan audio visual pula, pelajar sepakat mengatakan bahawa kualiti audio visual ‘suara hutan’, ‘suara ombak’, dan ‘bunyi kenderaan’ kurang jelas dan perlu digantikan dengan bunyi yang lebih baik. Mereka mencadangkan agar bunyi yang dirakam terus dari situasi sebenar lebih baik dan berkesan berbanding dengan bunyi yang diambil dari ‘*You Tube*’.

Cadangan 4: Kecukupan maklumat dan kesesuaian bahan pengajaran

Pelajar sepakat mengatakan bahawa kebanyakan bahan bantu mengajar yang digunakan dalam modul ini, sama ada berbentuk teks, gambar, rajah atau bahan audio visual mempunyai maklumat yang mencukupi dan sesuai digunakan dalam aktiviti pelajaran. Dalam Modul 3 misalnya, gambar-gambar yang digunakan bagi membincangkan isu kemiskinan (Lihat Gambar 4.5) di negara ini sangat sesuai. Begitu juga dengan sedutan filem “Seniman Bujang Lapok” yang digunakan dalam Modul 6. Menurut pelajar, video ini mempunyai maklumat yang cukup tentang penggunaan kata sapaan yang tidak sopan. Namun, bagi memastikan modul ini boleh dijalankan secara berkesan, mereka mencadangkan:

- i) gambar atau keratan akhbar dalam induksi set (Modul 1) digantikan dengan bahan atau keratan akhbar sebenar.
- ii) gantikan gambar yang digunakan dengan gambar yang lebih besar.



Gambar 4.5. Gambar yang digunakan bagi melambangkan kemiskinan di negara ini.

Impak bahan pembelajaran terhadap pelajar.

Penilaian impak bahan pembelajaran terhadap pelajar melibatkan dua aspek, iaitu (1) kerelevanan atau kesesuaian bahan yang digunakan berdasarkan situasi semasa, dan (2) kemampuan bahan tersebut mencabar pengetahuan, menarik minat dan mengekalkan ‘*mood*’ pelajar.

Dapatan kajian mendapati tajuk-tajuk yang digunakan dalam kebanyakan modul sangat relevan dengan isu semasa. Dalam Modul 1 misalnya, isu ‘Buang bayi’ sangat menarik dan relevan dengan isu semasa kerana menurut mereka, isu ini “masih banyak berlaku dalam masyarakat”.

Dari aspek keupayaan bahan menarik minat pelajar pula, pelajar menyatakan bahawa gambar-gambar yang digunakan (Gambar 4.5) sangat menarik dan dapat menimbulkan perasaan simpati dan insaf terhadap orang yang hidup dalam kemiskinan di negara ini. Namun, teks yang digunakan dalam Langkah 1 (Modul 1), iaitu ‘Bayi berbalut surat khabar ditemui di kaki lima’ tidak dapat membangkitkan emosi pelajar kerana teks ini tidak disertakan dengan gambar yang sesuai.

Selain itu, pelajar juga sepakat mengatakan bahawa penggunaan kartun dalam Modul 5 sangat berkesan dan menarik kerana melucukan. Kata mereka, kartun Lat ini sangat menarik dan dapat menggambarkan budaya masyarakat Melayu. Namun, mereka mencadangkan agar kartun (Gambar 4.4) yang mempunyai dialog Bahasa Melayu digunakan bagi menggantikan kartun yang berbahasa Ingeris (seperti yang ditunjukkan dalam Gambar 2).

Kebolehlaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Penilaian terhadap kebolehlaksanaan modul melibatkan empat aspek yang berikut, iaitu (1) kesesuaian bahan dan aktiviti pembelajaran bagi mencapai objektif pelajaran, (2) kesesuaian urutan atau susunan aktiviti pembelajaran dengan dengan

objektif pelajaran, (3) kebolehlaksanaan aktiviti yang dirancang dalam waktu yang ditetapkan, dan (4) kebolehlaksanaan aktiviti yang dirancang berdasarkan kemampuan pelajar.

Temu bual bersemuka dengan pelajar mendapati secara keseluruhannya, bahan dan aktiviti pelajaran yang dirancang sesuai dijalankan dan boleh mencapai objektif pelajaran. Namun, mereka mencadangkan beberapa pandangan bagi memantapkan modul-modul ini. Antara cadangan mereka ialah:

Cadangan 1: Kesesuaian teks

Semua pelajar menyatakan bahawa aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan teks ‘Remaja dan Masalah Sosial’ (Modul 1, Langkah 2) dan ‘Kes ragut di KL naik 100 peratus’ (Modul 2, Langkah 2) sukar dilaksanakan dalam waktu yang ditetapkan kerana teks ini terlalu panjang dan sukar difahami. Bagi menguasai teks-teks tersebut mereka mencadangkan:

- i) Isi teks ‘Remaja dan Masalah Sosial’ dikurangkan kepada empat isi sahaja.
- ii) Teks ‘Kes ragut di KL naik 100 peratus’ hendaklah dipendekkan agar boleh difahami
- iii) Gunakan bahan bantu mengajar seperti grafik atau jadual bagi membantu pelajar memahami teks yang dibincangkan.

Cadangan 2: Kebolehlaksanaan aktiviti

Pelajar sepakat menyatakan bahawa aktiviti pelajaran dalam Langkah 3 (Modul 2) sukar dilaksanakan kerana masa yang diberikan oleh guru hanya 15 minit sahaja, sedangkan tiada panduan daripada guru bagi membantu pelajar membenteng tugas mereka dalam bentuk bahan grafik. Bagi membantu aktiviti ini dijalankan dengan baik, mereka mencadangkan:

- i) tambahkan masa untuk menjalankan aktiviti pelajaran daripada 15 minit kepada 30 minit.
- ii) gunakan bahan bantu seperti jadual dan teknologi maklumat.

Rumusan dan Implikasi Pengajaran

Kesimpulannya, temu bual secara bersemuka dengan sembilan kumpulan pelajar memberikan maklumat yang berguna kepada pengkaji tentang kekuatan dan kelemahan modul yang dibangunkan. Maklumat tentang kekuatan dan kelemahan modul ini digunakan bagi menyemak semula modul yang dibangunkan untuk dilaksanakan dalam kumpulan kecil. Antaranya maklumat yang diperolehi daripada program penilaian pelajar ialah:

- a. Hampir semua arahan dan maklumat yang digunakan dalam modul ini jelas, boleh difahami, dan mempunyai maklumat yang mencukupi.
- b. Bahan pengajaran dan pembelajaran yang hendak digunakan hendaklah tidak mengelirukan pelajar.
- c. Penggunaan kartun sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran sangat menarik.
- d. Bahan pengajaran dan pembelajaran yang digunakan dalam modul hendaklah menggambarkan masyarakat majmuk di Malaysia.
- e. Istilah atau kosa kata yang digunakan hendaklah yang '*familiar*' dengan pelajar.
- f. Teks atau rajah atau gambar yang digunakan dalam modul hendaklah mengambil kira kejelasan, saiz dan kandungan maklumat yang sesuai.
- g. Gambar atau bahan audio visual hendaklah jelas kualiti suara dan gambarnya. Sebaiknya gunakan gambar yang diambil sendiri atau pilih bahan yang berkualiti jika diambil daripada internet.
- h. Gunakan bahan yang menarik dan mencabar pengetahuan pelajar.

- i. Pastikan aktiviti yang dijalankan sesuai dengan masa yang diperuntukkan.